



CAD/MR/2023 - 10

MEDIA RELEASE
For Immediate Release

**CCOB Task Force invites feedback on its
second public consultation for the proposed Consumer Credit Act**

The Consumer Credit Oversight Board Task Force (CCOB Task Force) issued its second public consultation paper (CP2) today. CP2 invites feedback on the proposed regulatory framework for credit businesses and credit service businesses.

The CP2, building on the first consultation paper issued on 4 August 2022, covers the requirements on authorisation, governance and conduct expected of all non-bank credit providers and credit service providers which are currently unregulated. In particular, this refers to businesses carrying on **Buy Now Pay Later (BNPL) activities, Leasing and Factoring services, Debt Collection Agencies (DCA), Impaired Loan Buyers (ILB) and Debt Counselling and Management Services (DMA).**

Bank Negara Malaysia Assistant Governor and the Head of the CCOB Task Force Abu Hassan Alshari Yahaya said, "It is critical that credit providers and credit service providers are regulated and conform to high professionalism or conduct standards. We will continue our extensive engagements with the currently unregulated industry and consumers to deliver a practical regulatory response. The aim is to strengthen the protection for consumers while supporting the development of a consumer credit industry that effectively serves the needs of individuals and small businesses."

The scope of CP2 covers, among others, proposed key licensing requirements. These include minimum financial requirements, governance and Shariah requirements for Islamic credit businesses. It also sets out professional conduct and responsible lending standards that must be met by potential licensees.

Additionally, CP2 also covers proposed enhancements to the Hire Purchase Act 1967 (HPA 1967). These enhancements are aimed at modernising the act and improving consumer outcomes. In particular, CCOB Task Force is seeking feedback on the proposed removal of Rule 78. Such rule pre-calculates interest charges on hire purchase contracts as such that more interest is paid in the earlier period of the loan tenure. This financing method can lead to unfair outcomes for borrowers opting for early settlement. The proposed changes to the HPA 1967 also include the acceptance of digital and electronic signatures for hire purchase agreement processes.

The proposals outlined in CP2 provide further details on the implementation of the Consumer Credit Act (CCA) which is targeted to be enacted by year-end. The CCA will



regulate all non-bank credit providers and credit service providers in Malaysia. It aims to create an orderly, transparent, and fair credit ecosystem to **protect credit consumers** who are individuals who obtain or seek credit for personal, domestic, or household purposes; and small and micro enterprises with loans up to a certain threshold.

Interested parties and members of the public are invited to provide feedback and comments on the consultation paper to CCOB Task Force by **15 May 2023**. Visit the [CCOB website](#) to use the feedback form feature or email CCAConsultation@bnm.gov.my.

For more information about CCOB and CCA, please visit www.ccob.my.

-End-

ABOUT THE CONSUMER CREDIT OVERSIGHT BOARD TASK FORCE

The Consumer Credit Oversight Board Task Force was set up in July 2021 and is led by the Ministry of Finance (MOF), Bank Negara Malaysia (BNM), and the Securities Commission Malaysia (SC) to drive the enactment of the CCA. This effort is undertaken in close collaboration with the Ministry of Domestic Trade and Living Costs (KPDN), the Ministry of Local Government Development (KPKT), the Ministry of Entrepreneur and Cooperatives Development (KUSKOP) and the Malaysia Co-operative Societies Commission (SKM).

For media queries, please contact the following:

Consumer Credit Oversight Board Task Force
+60 3 91792329
ccobtf@bnm.gov.my



SIARAN MEDIA

Untuk siaran segera

Pasukan Petugas CCOB mempelawa maklum balas untuk kertas perundingan awam kedua Akta Kredit Pengguna

Pasukan Petugas Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna (*Consumer Credit Oversight Board*, **CCOB**) atau dikenali sebagai Pasukan Petugas CCOB hari ini menerbitkan kertas perundingan awam kedua (*Consultation Paper 2*, **CP2**) dan mempelawa maklum balas tentang cadangan rangka kerja kawal selia bagi perniagaan kredit dan perniagaan perkhidmatan kredit.

CP2 merupakan lanjutan daripada kertas perundingan awam pertama yang diterbitkan pada 4 Ogos 2022. Kertas perundingan tersebut meliputi keperluan berhubung dengan pemberikuasaan, tadbir urus dan amalan yang dikehendaki daripada semua penyedia kredit dan penyedia perkhidmatan kredit bukan bank yang belum dikawal selia pada masa ini. Khususnya, penyedia kredit dan penyedia perkhidmatan kredit merujuk perniagaan yang menjalankan aktiviti **Beli Sekarang Bayar Kemudian** (*Buy Now Pay Later*, BNPL), **perkhidmatan Pemajakan** (*Leasing*) dan **Pemfaktoran** (*Factoring*), **Agensi Kutipan Hutang** (*Debt Collection Agencies*, DCA), **Pembeli Pinjaman Terjejas** (*Impaired Loan Buyers*, ILB) serta **Perkhidmatan Kaunseling dan Pengurusan Hutang** (*Debt Counselling and Management Services*, DMA).

“Penyedia kredit dan penyedia perkhidmatan kredit perlu dikawal selia serta mematuhi standard amalan atau profesionalisme yang tinggi. Pasukan Petugas CCOB akan terus mengadakan sesi libat urus secara meluas dengan industri yang belum dikawal selia pada masa ini serta dengan pengguna bagi menyediakan rangka kerja pengawalseliaan yang praktikal. Matlamat kami adalah untuk mengukuhkan perlindungan kepada para pengguna dan pada masa yang sama menyokong pembangunan industri kredit pengguna yang dapat memenuhi keperluan individu dan perniagaan kecil dengan berkesan”, kata Abu Hassan Alshari Yahaya, Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia yang juga Ketua Pasukan Petugas CCOB.

Skop CP2, antara lain, mencadangkan keperluan pelesenan yang penting. Keperluan ini termasuk keperluan kewangan minimum, tadbir urus serta keperluan Syariah bagi perniagaan kredit berlandaskan Syariah Islam. CP2 turut menetapkan amalan profesional dan piawaian pinjaman berhemat yang perlu dipatuhi oleh penyedia kredit yang akan diberikan lesen.



CP2 juga mencadangkan beberapa penambahbaikan kepada Akta Sewa Beli 1967 (*Hire Purchase Act*, **HPA**). Penambahbaikan ini bertujuan untuk memodenkan akta tersebut di samping mempertingkatkan hasil pengguna. Khususnya, Pasukan Petugas CCOB ingin mendapatkan maklum balas bagi cadangan untuk memansuhkan Peraturan 78. Peraturan ini membuat pengiraan faedah yang akan dikenakan ke atas kontrak sewa beli secara lebih awal. Sehubungan dengan itu, caj faedah yang lebih tinggi akan dikenakan pada awal tempoh pinjaman. Kaedah pembiayaan ini boleh menyebabkan ketidakadilan kepada peminjam yang memilih untuk menyelesaikan pinjaman mereka lebih awal. Cadangan perubahan kepada HPA 1967 juga akan merangkumi penerimaan tandatangan digital dan elektronik untuk proses perjanjian sewa beli.

Cadangan yang digariskan dalam CP2 memberikan butiran lanjut mengenai pelaksanaan Akta Kredit Pengguna (*Consumer Credit Act*, **CCA**) yang pembentangannya di Parlimen disasarkan menjelang akhir tahun ini. CCA akan mengawal selia semua penyedia kredit dan penyedia perkhidmatan kredit bukan bank di Malaysia. Matlamat CCA adalah untuk mewujudkan ekosistem kredit yang lebih teratur, telus dan adil bagi **melindungi pengguna kredit** iaitu individu yang memperoleh atau memohon kredit bagi tujuan peribadi, domestik atau isi rumah, serta untuk perusahaan kecil dan mikro yang mengambil pinjaman sehingga nilai ambang tertentu.

Pihak yang berkepentingan dan orang ramai dipelawa untuk mengemukakan maklum balas dan ulasan mengenai kertas rundingan kepada Pasukan Petugas CCOB selewat-lewatnya pada 15 Mei 2023. Lawati [laman web CCOB](https://www.ccob.my) untuk menggunakan borang maklum balas CCOB atau e-mel kepada CCAConsultation@bnm.gov.my.

Untuk maklumat lanjut tentang CCOB dan CCA, sila lawati www.ccob.my.

-Tamat-

MENGENAI PASUKAN PETUGAS LEMBAGA PEMANTAUAN KREDIT PENGGUNA

Pasukan Petugas Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna ditubuhkan pada bulan Julai 2021 dan diketuai oleh Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menerajui penggubalan Akta Kredit Pengguna. Usaha ini dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:



Pasukan Petugas Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna

+60 3 91792329

ccobtf@bnm.gov.my

